

## PTPTN serah manfaat takaful kepada pendeposit

**Alor Setar:** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui Program Ziarah PTPTN Prihatin menyerahkan manfaat perlindungan takaful berjumlah RM39,225 kepada pendeposit skimmya.

PTPTN dalam kenyataannya berkata, Maheran Ali, 48, adalah pendeposit Simpan SSPN Plus yang didiagnos menghidap penyakit kritikal pada awal tahun lalu.

Katanya, Maheran membuka akaun simpanan untuk tiga anaknya pada 11 Julai 2017 dan layak mendapat manfaat perlindungan takaful berjumlah RM12,000 bagi setiap akaun berkenaan.

“Maheran yang bertugas sebagai pegawai kerajaan membuka akaun di bawah Pakej Intan dengan komitmen RM30 sebulan iaitu RM20 untuk simpanan dan RM10 untuk caruman takaful.

“Selaku pendeposit Simpan SSPN Plus, beliau mendapat manfaat perlindungan takaful (penyakit



Mohd Rusdi menyerahkan replika manfaat perlindungan takaful Simpan SSPN Plus kepada Maheran di Alor Setar. (Foto ihsan PTPTN)

kit kritikal) berjumlah RM36,000 dan elaun kemasukan wad berjumlah RM3,225 dengan jumlah keseluruhan adalah RM39,225,” katanya.

Majlis penyerahan manfaat di-

buat di rumah pendeposit di Kuala Nerang yang disampaikan Pengurus Besar Kanan PTPTN, Mohd Rusdi Ismail dan disaksikan Pengarah PTPTN Kedah, Fauzi Azli Salleh.

Mengulas lanjut, produk Simpan SSPN Plus menawarkan enam pakej simpanan yang terdiri daripada simpanan dan perlindungan takaful komprehensif dengan komitmen bulanan serendah RM30 sebulan.

Katanya, tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan bagi pakej Intan kecuali Pakej Berlian sahaja, di mana pendeposit perlu menjawab tiga soalan kesihatan.

“SSPN Plus menyediakan tiga pilihan syarikat pengendali takaful iaitu Hong Leong MSIG Takaful Berhad, Great Eastern Takaful Berhad dan Takaful Ikhlas Family Berhad yang menawarkan keistimewaan manfaat perlindungan takaful yang menarik.

“Melalui keistimewaan dan manfaat produk ini, PTPTN berharap ia dapat membantu meringan beban kewangan pendeposit melalui nilai yang diterima dapat memastikan masa depan keluarga terus terjamin,” katanya.

## PTPTN serah manfaat takaful kepada pendeposit

Alor Setar: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui Program Ziarah PTPTN Prihatin menyerahkan manfaat perlindungan takaful berjumlah RM39,225 kepada pendeposit skimmya. PTPTN dalam kenyataannya berkata, Maheran Ali, 48, adalah pendeposit Simpan SSPN Plus yang didiagnos menghidap penyakit kritikal pada awal tahun lalu. Katanya, Maheran membuka akaun simpanan untuk tiga anaknya pada 11 Julai 2017 dan layak mendapat manfaat perlindungan takaful berjumlah RM12,000 bagi setiap akaun berkenaan. “Maheran yang bertugas sebagai pegawai kerajaan membuka akaun di bawah Pakej Intan dengan komitmen RM30 sebulan iaitu RM20 untuk simpanan dan RM10 untuk caruman takaful. Selaku pendeposit Simpan SSPN Plus, beliau mendapat manfaat perlindungan takaful (penyakit kritikal) berjumlah RM36,000 dan elaun kemasukan wad berjumlah RM3,225 dengan jumlah keseluruhan adalah RM39,225,” katanya. Majlis penyerahan manfaat dibuat di rumah pendeposit di Kuala Nerang yang disampaikan Pengurus Besar Kanan PTPTN, Mohd Rusdi Ismail dan disaksikan Pengarah PTPTN Kedah, Fauzi Azli Salleh. Mengulas lanjut, produk Simpan SSPN Plus menawarkan enam pakej simpanan yang terdiri daripada simpanan dan perlindungan takaful komprehensif dengan komitmen bulanan serendah RM30 sebulan. Katanya, tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan bagi pakej Intan kecuali Pakej Berlian sahaja, di mana pendeposit perlu menjawab tiga soalan kesihatan. “SSPN Plus menyediakan tiga pilihan syarikat pengendali takaful iaitu Hong Leong MSIG Takaful Berhad, Great Eastern Takaful Berhad dan Takaful Ikhlas Family Berhad yang menawarkan keistimewaan manfaat perlindungan takaful yang menarik.

“Melalui keistimewaan dan manfaat produk ini, PTPTN berharap ia dapat membantu meringankan beban kewangan pendeposit melalui nilai yang diterima dapat memastikan masa depan keluarga terus terjamin,” katanya..

[20240910\\_N60\\_BRH\\_NA\\_9\\_FC\\_6900132024091001010101009\\_A6SA2JEBADR23BYK9IJE.JPG \(2457×1407\) \(nama.com.my\)](#)